

03/11/2003

Resort rai 150 anak yatim berbuka puasa

RIVIERA Bay Resort, Tanjung Kling memilih acara tersendiri sempena persaraan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad apabila meraikan hampir

150 anak yatim dengan majlis berbuka puasa di resort itu, malam kelmarin.

Anak yatim terbabit mewakili Rumah Anak Yatim Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj, pelajar perempuan Sekolah Tunas Bakti berumur antara 16

hingga 17 tahun dan kanak-kanak istimewa pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Kampung Pinang, Spring Garden, Lereh.

Selain menikmati pelbagai juadah yang disediakan oleh resort berkenaan,

mereka turut dihiburkan oleh dua pelakon Spanar Jaya, Zaibo (Pak Selamat)

dan Opie Zami (Mat Rock).

Turut meraikan mereka ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tangga Batu, yang juga Pengerusi Rumah Anak Yatim Sultan Salahuddin, Datuk Yaakub

Md Amin (kiri) dan Pengurus Besar Riviera Bay Resort, Andrew Fernandez serta kakitangan resort berkenaan.

Ini adalah tahun kedua Riviera Bay Resort menganjurkan majlis berbuka puasa bersama anak yatim.